

ECER libat li utama pemb

SINAR 30.10.2007 MS 5

Secara keseluruhan ECER menyasarkan pelaksanaan sebanyak 227 projek bernilai RM112 bilion untuk tempoh 12 tahun dan daripada jumlah itu kerajaan menyumbangkan sebanyak 39 peratus.

■ RAHAYU MUSTAFA DAN W.SAIDATUL FADZILAH W. NAJEMUDIN

KUALA TERENGGANU - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan peruntukan sebanyak RM6 bilion untuk disalurkan kepada projek-projek fasa permulaan berimpak tinggi yang dikenal pasti dibangunkan di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Menurut Abdullah, peruntukan tersebut akan disediakan melalui kajian semula program Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan penambahan peruntukan semasa kajian separuh penggal dalam tempoh rancangan berkeanaan.

Perdana Menteri berkata, ia akan melibatkan pelaksanaan lima kelompok utama yang dikenal pasti dan menjadi kunci pembangunan Wilayah Pantai Timur iaitu pertanian, pelancongan, minyak, gas dan petrokimia, pembuatan dan pendidikan.

Katanya, secara keseluruhan ECER menyasarkan pelaksanaan sebanyak 227 projek bernilai RM112 bilion untuk tempoh 12 tahun dan daripada jumlah itu kerajaan menyumbangkan sebanyak 39 peratus.

"Manakala 14 peratus



Idris, Adnan dan Nik Aziz mengam

disediakan oleh Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), 20 peratus dari pihak swasta manakala baki 27 peratus diperoleh melalui inisiatif pelaburan swasta," ujarnya ketika melancarkan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) di Taman Awam, Pantai Batu Burok, di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Effendi Norwawi, Presiden Petronas Sdn. Bhd., Tan Sri Datuk Seri Mohd Hassan Marican dan Anggota Exco Kerajaan Kelantan, Datuk Husam Musa.

Menurut Abdullah, melalui ECER sektor pertanian akan dimajukan secara komersial, berskala besar dengan mengguna-

ma kelompok angunan



inkan doa ketika pelancaran ECER di Kota Bharu.

kan teknologi moden di samping pengurusan dan pemasaran yang lebih mantap dalam usaha kerajaan menyokong warga tani mempertingkatkan pengeluaran tanaman makanan dan bukan makanan.

“Bagi sektor pelancongan pula, selain memanfaa-

tkan keindahan alam semula jadi pantai, pulau dan hutan, kerajaan juga berusaha menarik para pelabur untuk membina kemudahan resort dan hotel bertaraf antarabangsa di kawasan pesisir pantai di negeri-negeri ini.

“Melalui usaha ini, ke-

rajaan menjangkakan mampu menarik kehadiran seramai 7.4 juta pelancong luar negara dan 21.4 juta pelancong tempatan menjelang tahun 2020 di samping membuka peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan dan memberi ruang usahawan tempatan mengembangkan perniagaan,” katanya.

Kerajaan turut mementingkan soal pendidikan dengan penubuhan universiti, kolej dan institusi latihan baru dan pusat pendidikan tersebut bakal membuka peluang kepada masyarakat melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Pelbagai program akan dijalankan untuk meningkatkan tahap pengetahuan Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) di kalangan penduduk Pantai Timur agar mereka dapat memanfaatkan kecanggihan teknologi untuk memajukan diri, keluarga dan masyarakat.

Menyedari kepentingan rangkaian pengang-

kutan, jalan raya sedia ada dikenal pasti untuk diperbaiki atau dinaiktarafkan dan jalan-jalan baru turut dibina manakala pelabuhan sedia ada di Wilayah Ekonomi Pantai Timur turut dipertingkatkan melalui projek naik taraf.

Katanya, secara purata kerajaan menasaskan catatan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi negeri Pantai Timur sebanyak 7.2 peratus setahun sehingga tahun 2020 manakala pendapatan isi rumah juga dijangka meningkat daripada RM2,267 pada 2005 kepada RM5,227 pada tahun 2020.

Selain itu, kerajaan turut menjangkakan peningkatan lebih banyak peluang pekerjaan iaitu daripada 1.4 juta (sekarang) kepada hampir 2 juta pada tahun 2020 dan semua sasaran dijangka mampu dicapai melalui rancangan pembangunan tersebut yang merangkumi 51 peratus keluasan Semenanjung Malaysia.